



E-BULETIN KKKG

INFORMASI BERITA & PERISTIWA WARGA KOLEJ KOMUNITI KUCHING



08:51

Mesyuarat Penyelarasan Unjuran Pengambilan Pelajar Kolej Komuniti Zon Sarawak 2023



Pengarah BAPP, Tuan Haji Azirin Bin Abdul Aziz (duduk dua kanan) merakam gambar kenangan bersama para Pengarah Kolej Komuniti Zon Sarawak

KUCHING, 9 Jun - Hari ini berlangsung nya Mesyuarat Penyelarasan Unjuran Pengambilan Pelajar Kolej Komuniti Zon Sarawak 2023.

Mesyuarat telah dipengerusikan oleh Tuan Haji Azirin Bin Abdul Aziz, Pengarah Bahagian Ambilan dan Pembangunan Pelajar (BAPP) JPPKK.

Beliau telah membentangkan pencapaian data pengambilan pelajar bagi zon Sarawak pada tahun 2020, 2021 dan 2022.

Turut hadir dalam mesyuarat tersebut adalah:

En. Muhd Zaki Bin Mustapha - Timbalan Pengarah BAPP, JPPKK

En. Sumbang Anak Mandawa - Pengarah KK Kuching

Ts. Shirley Ak Phillip - Pengarah KK Mas Gading

En. Roland Tsok Vui Liang - Pengarah KK Miri,

En. Andrew Anak Douglas Gudam - Pengarah KK Betong

En. Abdullah Latep Bin Mustaphap - Pengarah KK Santubong

En. Khalid Bin Sepawi - Wakil Pengarah KK Sarikei



TERBITAN: UNIT KOMUNIKASI KOPRORAT



082-313321/322



ukkrasmi@kkkg.edu.my



kkkuching.mypolycc.edu.my

Mesyuarat Ketua Unit Penyelidikan, Inovasi dan Komersial Politeknik dan Kolej Komuniti Zon Sarawak (Bil 1/2023)



Pengarah KKKG, Encik Sumbang Mandaw merakam gambar kenangan bersama Dr. Riam a/p Chau Mai (4 kiri) bersama rombongan Unit Penyelidikan, Inovasi dan Komersial Politeknik dan Kolej Komuniti

KUCHING, 19 Jun - Hari ini telah berlangsung Mesyuarat Ketua Unit Penyelidikan, Inovasi dan Komersial Politeknik dan Kolej Komuniti Zon Sarawak Bil 1/2023 bertempat di Kolej Komuniti Kuching.

Mesyuarat dipengerusikan oleh YBrs. Dr. Riam a/p Chau Mai selaku Pengarah Penyelidikan, Inovasi dan Komersial Politeknik dan Kolej Komuniti.

Turut hadir ialah Dr. Siti Rosminah binti Md. Derus (Timbalan Pengarah Unit Penyelidikan), Dr. Anwar bin Hamid (Timbalan Pengarah Unit Inovasi), Ts. Dr. Mohd Norhadi bin Muda (Timbalan Pengarah Unit Pengkomersialan) dan Puan Dina Izzati binti Hashim (Penolong Pengarah Kanan Unit Pengkomersialan) serta semua KUPIK Kolej Komuniti dan Politeknik Zon Sarawak.



Kolaborasi Strategi i-CATS Kolej Universiti dan Kolej Komuniti Kuching



Pengarah KKKG, Encik Sumbang Mandaw merakam gambar kenangan bersama Menteri Pendidikan, Inovasi dan Pembangunan Bakat Sarawak, YB Datuk Roland Sagah Wee Inn (4 kiri) serta tetamu kehormat yang lain.

KUCHING, 21 Jun – Kolej Komuniti Kuching adalah antara lima Institusi Pendidikan TVET yang dipelawa oleh Kolej Universiti i-CATS untuk menjalin kolaborasi strategik dalam berkongsi pengalaman dan pengetahuan bagi memantapkan institusi TVET yang melahirkan modal insan profesional yang mahir di Sarawak.

Pagi tadi Pengarah KKKG En. Sumbang Mandaw, wakil Pengarah Kolej Komuniti Santubong, PULSY Technology Sdn. Bhd. menandatangani CoC, manakala MoU bagi Telkom University Bandung dan Politeknik Negeri Sambas yang bertempat di Dewan Senat, Kolej Universiti i-CATS yang disaksikan oleh Menteri Pendidikan, Inovasi dan Pembangunan Bakat Sarawak, YB Datuk Roland Sagah Wee Inn.

Turut hadir ialah Timbalan Menteri Pendidikan I (Pendidikan Tinggi dan Inovasi) YB Datuk Dr. Annuar Rapa'ee dan Timbalan Menteri Pendidikan II (Pembangunan Bakat) Datuk Francis Harden Hollis.



Lantikan Jawatankuasa Tertinggi Ahli Pembimbing Rakan Inspirasi Siswa Siswi (PRISS) Bagi Sesi 1 : 2023/2024

KUCHING, 20 Jun – Jawatankuasa Tertinggi Ahli Pembimbing Rakan Inspirasi Siswa Siswi (PRISS) bagi Sesi 1 : 2023/2024 dibawah penyeliaan Pegawai Unit Psikologi Puan Siong Ai Chen hari ini mengadakan mesyuarat atas talian melalui platform google meet.

Antara perkara yang dibincangkan semasa mesyuarat adalah berkenaan dengan objektif PRISS seperti memastikan kelestarian fungsi kelab PRISS di Kolej Komuniti Kuching.

Selain daripada itu, pelajar turut diberi peluang mengaplikasikan "learning experience" dalam mengendalikan aktiviti lantikan ahli jawatankuasa tertinggi PRISS yang baharu.

Terdahulu aktiviti ini dianjurkan oleh Pengarah Program, Mohammad Iqman Ibrahim serta Ahli Jawatankuasa yang terdiri daripada Mohammad Shahrul Hisyam Zai'm, Aiman Azram Hashim, Muhammad Al- Tirmidzi Muhammad Al-Ardy, Iskandar Hasbi, Muhammad Faizmullah Al Hakim Abdullah dan Mohammad Azlan Shafie Shafferi.



Tahniah & Syabas

PENERIMA ANUGERAH PERKHIDMATAN CEMERLANG TAHUN 2022



ENCIK PIEE ANAK LINYUN
PEMBANTU AKAUNTAN W19



ENCIK MERVIN GUMBA ANAK SIGAI
TIMBALAN PENGARAH AKADEMIK DH 44



Ts. LIEW FOONG CHING
PPPT DH48(M)



**ENCIK MOHAMMAD SYAH
BIN AHMAD KIFRAWI**
PPTM FA29

Warga Kolej Komuniti Kuching ingin mengucapkan tahniah dan syabas kepada empat orang penerima Anugerah Perkhidmatan Cemerlang Tahun 2022.



Promosi Jerayawara Pendidikan Kolej Komuniti Kuching 2023

KUCHING, 8 Jun – Setelah keputusan Sijil Pelajaran Malaysia 2022 diumumkan, kesibukan warga Kolej Komuniti Kuching bermula dengan kempen Jerayawara Jom Masuk Kolej Komuniti.

Terdapat 11 buah sekolah yang terlibat menjemput pihak kolej untuk membuka 'booth' bertemu dengan para pelajar lepasan SPM yang berminat untuk meneruskan pengajian ke peringkat selanjutnya di institusi Jabatan Pendidikan Politeknik dan Kolej Komuniti (JPPKK).

Antara sekolah-sekolah yang terlibat adalah SMK Demak Baru, SMK Matang Hilir, SMK Tunku Abdul Rahman (TAR), SMK Tebedu, SMK Sri Matang, SMK Wira Penrissen, SMK Bandar Samariang, SMK Santubong, SMK Tun Abang Haji Openg, SMK Sri Setia dan SMK Bandar Kuching No. 1.





Program Bengkel Rekaan Mug sempena Hari Bapa pada 19 Jun 2023 merupakan kerjasama di antara Kolej Komuniti Kuching dan Vivacity Megamall Kuching.

Ketua Program Sijil Fesyen dan Pakaian (SFP) Nur Hakim Raifli dan pensyarah SFP Jefferyson Adam Henry hadir membimbing para peserta dengan jayanya.



KEMENTERIAN PENDIDIKAN TINGGI
JABATAN PENDIDIKAN POLITEKNIK DAN KOLEJ KOMUNITI

KOLEJ KOMUNITI KUCHING

Tahniah

Ts. Esuryati binti Kamarudin
Pegawai Perhubungan Industri dan Alumni
atas perakuan gelaran sebagai
TEKNOLOGIS PROFESIONAL
BUILDING & CONSTRUCTION TECHNOLOGY (BC)
oleh
Lembaga Teknologis Malaysia (MBOT)
berkuatkuasa pada **30 Mei 2023**




Sekalung Tahniah dan syabas diucapkan kepada Ts. Esuryati binti Kamarudin atas pelantikan dan pengiktirafan sebagai Teknologis Profesional(Ts) Malaysia Board of Technologists (MBOT)



KUCHING, 14 – 15 Jun – Pelaksanaan Kursus Kemahiran Asas Aplikasi Adobe Photoshop anjuran Kolej Komuniti Kuching bersama Kementerian Kesihatan Awam Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KKAPKT) Sarawak.

Kelihatan Ketua Unit Perhubungan Industri dan Alumni Ts. Esuryati Kamarudin sedang membimbing para peserta kursus yang terdiri daripada kakitangan KKAPKT Sarawak.



17-18 Jun 2023 (gambar atas)

Pensyarah Rozaiifs Rofiei selaku tenaga pengajar membimbing peserta Kursus Kemahiran Asas Aplikasi Autocad anjuran Unit PSH Kolej Komuniti Kuching

17-18 Jun 2023 (gambar kanan)

Ketua Unit Pengambilan Sulaiman Mohd Shah selaku tenaga pengajar membimbing peserta Kursus Penghasilan Video Pendek anjuran Unit PSH Kolej Komuniti Kuching



19 Jun 2023 & 25 Jun 2023

- (1) Pensyarah Gracienthy Goen selaku tenaga pengajar membimbing peserta Kursus jahitan skirt berpocket anjuran Unit PSH Kolej Komuniti Kuching
- (2) Pensyarah Nur Syazwanie Abd Rahman selaku tenaga pengajar membimbing peserta Kursus penghasilan scrub organik anjuran Unit PSH Kolej Komuniti Kuching
- (3) Pensyarah Afzan Mohd Sula selaku tenaga pengajar membimbing peserta Kursus penghasilan kek batik ganache anjuran Unit PSH Kolej Komuniti Kuching
- (4) Pensyarah Nouraisyah Hussen selaku tenaga pengajar membimbing peserta Kursus penghasilan dekorasi kek.